

SOALAN NO. 543**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN
AZIZAH WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

SOALAN :

**YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta
PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang
mewujudkan sistem daftar pemilih secara automatik dan mewajibkan pemilih
mengundi.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menjadikan pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya cadangan tersebut hendak dilaksanakan, ia memerlukan kajian lanjut dan mendalam sebelum sebarang pindaan dibuat pada peruntukan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

RT38/544

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **DATO' SERI DR. WAN AZIZAH**
DARIPADA **WAN ISMAIL**
[PERMATANG PAUH]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan sekolah-sekolah yang tidak ada keperluan asas dan uzur di Sabah dan Sarawak, peruntukan yang diluluskan dan dibelanjakan untuk infrastruktur membaik pulih sekolah-sekolah yang terbabit; serta apakah Kerajaan mempunyai kriteria bagi mengganti sekolah yang usang dengan pembinaan sekolah yang baru.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2017 (sehingga Julai), Negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM19.11 juta (12.57%) untuk penyelenggaraan dan naik taraf 58 (sekolah menengah) dan 126 (sekolah rendah). Bagi Negeri Sarawak sehingga Julai 2017, sebanyak RM9.666 juta (6.4%) telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan dan naik taraf sekolah.

RT38/544

RT39/545

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN MANIVANNAN A/L
DARIPADA GOWINDASAMY
[KAPAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) bilangan kes buli yang dilaporkan dan disiasat untuk tempoh masa 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga Jun 2017. Apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian untuk menangani kes buli di kalangan pelajar sekolah; dan
- (b) bilangan kes di mana guru sekolah memukul pelajar kerana tidak dapat mengawal perasaan untuk tempoh masa 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga Jun 2017. Apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian untuk menangani tindakan guru sekolah yang tidak dapat mengawal perasaan mereka.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Berikut adalah peratusan murid yang melakukan salah laku buli yang direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid bagi tahun 2012 hingga 2017:

Tahun	Peratus Murid
2012	0.08
2013	0.08
2014	0.06
2015	0.06
2016	0.07
2017	0.02
(Jan-Jun)	

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah memandangkan ringan kes gejala buli di sekolah. Setiap kes yang berlaku telah diambil tindakan sewajarnya, sama ada peringkat sekolah mahu pun pihak mahkamah melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM). KPM berusaha menangani buli melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan serta bersedia membantu agensi berkaitan memantapkan perundangan berkaitan kes juvenil di luar sekolah.

Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman atau langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan PPD, PIBG, Polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman

keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

KPM telah menjalinkan kerjasama padu dengan pihak luar bagi mengatasi isu disiplin murid termasuk buli. Melalui Strategi Lautan Biru (NBOS), Program Remaja Berwawasan dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM. Melalui program ini, murid berisiko tinggi akan diberikan latihan menggunakan khidmat kepakaran pegawai tentera dan polis.

- b) Kes guru memukul murid yang dilaporkan pada tahun 2012 sehingga 2017 ialah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes
2012	35 kes
2013	53 kes
2014	51 kes
2015	52 kes
2016	62 kes
2017 (Jan-Jun)	35 kes

Guru yang didapati tidak mengikut SOP akan diambil tindakan mengikut prosedur sedia ada Kementerian Pendidikan Malaysia.

RT39/545